

SOALAN LAZIM**PROMOSI DISKAUN YURAN PENDAFTARAN UNTUK PEWARISAN ASNB****(“Kempen”)**

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah tujuan Kempen ini?	<p>Kempen ini bertujuan untuk menggalakkan pemegang unit ASNB sedia ada dan baharu yang berumur 18 tahun dan ke atas untuk melanggan Hibah Amanah & Pengisytiharan Amanah (“Pewarisan ASNB”) sebagai instrumen perancangan harta pusaka, membolehkan tuntutan pelaburan ASNB yang lebih cepat dan mudah oleh penerima apabila pemegang unit meninggal dunia.</p> <p>Pemegang unit yang layak yang menyerahkan dokumen lengkap untuk Pewarisan ASNB semasa tempoh Kempen akan menikmati yuran pendaftaran pada kadar diskaun.</p>
2	Berapakah yuran pendaftaran pada kadar diskaun?	Semasa tempoh Kempen, pemegang unit layak mendapat yuran pendaftaran Pewarisan ASNB pada kadar diskaun RM100.00 (“tawaran Kempen”), daripada kadar biasa RM180.00.
3	Berapa lamakah tempoh Kempen berlangsung?	Kempen akan bermula dari 2 Mei 2025 sehingga 30 Jun 2025.
4	Apakah kriteria untuk menyertai Kempen?	<p>Untuk layak menerima tawaran Kempen, syarat-syaratnya adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peserta mestilah pemegang unit yang mempunyai sekurang-kurangnya salah satu daripada tabung unit amanah ASNB; 2. Peserta perlu mengekalkan baki minimum 1,000 unit (tidak termasuk pinjaman/unit bercagar/Skim EPF) di dalam tabung unit amanah ASNB yang ingin didaftarkan di bawah perkhidmatan Pewarisan ASNB; 3. Peserta bukan pelanggan semasa perkhidmatan Pewarisan ASNB; dan 4. Peserta mesti menyerahkan dokumen lengkap kepada mana-mana cawangan ASNB semasa tempoh Kempen.

No.	Soalan	Jawapan
		<p>Nota: Bagi proses pra-pendaftaran dalam talian, penghantaran dokumen mesti dibuat dalam 90 hari dari tarikh siap pra-pendaftaran.</p>
5	Apakah dokumen yang perlu saya bawa untuk pendaftaran Pewarisan ASNB?	<p>Bagi proses pra-pendaftaran dalam talian:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat Kuasa Wakil ii. Salinan dokumen pengenalan diri yang telah disahkan (pemberi, penerima/penjaga, dan saksi) iii. Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A) (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja) <p>Bagi permohonan terus di cawangan ASNB:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Borang Permohonan PH1A/PH1B ii. Surt Kuasa Wakil iii. Salinan dokumen pengenalan diri yang telah disahkan (pemberi, penerima/penjaga, dan saksi) iv. Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A) (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja)
6	Di manakah saya boleh menyerahkan dokumen lengkap untuk pendaftaran Pewarisan ASNB untuk layak menerima tawaran Kempen?	Anda boleh menyerahkan dokumen di mana-mana cawangan ASNB di seluruh negara, yang merupakan sebahagian daripada terma dan syarat Kempen. Sesiapa yang membuat pra-pendaftaran dalam talian juga perlu menyerahkan dokumen lengkap kepada cawangan ASNB.
7	Adakah saya perlu membuat temu janji di cawangan ASNB untuk menyerahkan dokumen?	Tiada temu janji diperlukan. Anda boleh melawat mana-mana cawangan ASNB untuk menyerahkan dokumen lengkap semasa tempoh Kempen.
8	Adakah saya perlu membuat semula pra-pendaftaran dalam talian jika saya melengkapannya sebelum tempoh Kempen?	Tidak, dengan syarat penghantaran dokumen dibuat dalam tempoh 90 hari dari tarikh siap pra-pendaftaran dan dalam tempoh Kempen.
9	Berapakah yuran pendaftaran normal jika saya tidak layak untuk tawaran Kempen?	Yuran pendaftaran normal untuk Pewarisan ASNB ialah RM180.00.
10	Jika saya melengkapkan pra-pendaftaran pada 1 April 2025 dan menghantar dokumen pada	Ya, anda akan layak untuk tawaran Kempen kerana penghantaran dokumen berlaku dalam tempoh 90 hari dari tarikh siap pra-pendaftaran.

No.	Soalan	Jawapan
	25 Mei 2025, adakah saya layak untuk yuran diskau?	
11	Jika saya melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian pada 25 Mei 2025 dan menghantar dokumen pada 10 Julai 2025, adakah saya layak untuk tawaran Kempen?	Tidak, anda tidak akan layak untuk yuran diskau kerana penghantaran dokumen melebihi tempoh Kempen. Anda akan dicaj pada kadar biasa RM180.00.
12	Bolehkah saya menikmati yuran diskau jika saya memohon terus untuk pendaftaran Pewarisan ASNB dan bukannya melalui pra-pendaftaran dalam talian?	Ya, selagi penyerahan dokumen dibuat dalam tempoh Kempen dan kriteria lain dipenuhi.
13	Apakah yang berlaku jika saya terlepas tarikh akhir 90 hari untuk menyerahkan dokument selepas pra-pendaftaran dalam talian?	Anda perlu menyiapkan semula pra-pendaftaran dalam talian dalam tempoh 90 hari dari tarikh siap pra-pendaftaran. Bagi melayakkan diri untuk tawaran Kempen, penghantaran dokumen juga mestilah berlaku dalam tempoh Kempen.
14	Apakah yuran yang terlibat jika saya telah melanggan Pewarisan ASNB dan ingin menambah tabung unit amanah ke dalam kontrak yang sedia ada?	Untuk penambahan tabung unit amanah, yuran pengubahan sebanyak RM20.00 akan dikenakan.
15	Adakah saya layak mendapat tawaran Kempen jika saya sudah mempunyai kontrak Pewarisan ASNB?	Tidak. Bagi penambahan kontrak Pewarisan ASNB, anda akan dicaj sebanyak RM90.00, mengikut struktur yuran sedia ada.
16	Jika saya telah membatalkan kontrak Pewarisan ASNB yang sedia ada dan ingin melanggan semula semasa tempoh Kempen, adakah saya layak menerima yuran pendaftaran pada kadar diskau?	Ya, dengan andaian tiada kontrak Pewarisan ASNB lain yang aktif semasa penyerahan dokumen baru itu dibuat.